UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
The National University of Malaysia

PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN DAN INSTRUMENTASI •
CENTRE FOR RESEARCH AND INSTRUMENTATION MANAGEMENT

Rujukan: UKM.PPI.100-15-2/5
Tarikh : 9 Julai 2020

DEKAN/PENGARAH
FAKULTI/INSTITUT/PUSAT
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

YBhg. Prof. Ulung/Prof./Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

PEMAKLUMAN PENUTUPAN SEMENTARA SISTEM UKMSARJANA

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sehubungan dengan ini, adalah diimaklumkan bahawa Sistem UKMSarjana akan ditutup buat sementara waktu bagi tujuan penyelenggaraan dan penambahbaikan. Penyelenggaraan dan penambahbaikan ini perlu dibuat bagi memastikan sistem ini lebih mesra pengguna dan memudahkan urusan kemasukan maklumat oleh semua kakitangan akademik. Justeru itu, **Penutupan ini akan dibuat mulai 12 Julai 2020 hingga 26 Julai 2020.**

3. Sebagai makluman kepada pihak YBhg. Prof. Ulung/Prof./Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan, sepanjang tempoh sistem ini ditutup, semua aktiviti kemaskini/kemasukan maklumat tidak dapat dilaksanakan oleh semua kakitangan akademik. Walau bagaimanapun, aktiviti paparan maklumat dan fungsi carian kepakaran masih boleh dicapai seperti biasa.

Sekian dulu untuk makluman dan perhatian pihak YBhg. Prof. Ulung/Prof./Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan. Kerjasama semua pihak Dekan/Pengarah dipohon agar dapat memanjangkan maklumat ini kepada semua kakitangan akademik di PTJ masing-masing. Pihak CRIM memohon maaf atas sebarang kesulitan yang dihadapi sepanjang penutupan Sistem UKMSarjana ini. Pihak CRIM juga akan membuat pemakluman semula mengenai penggunaan sistem ini sebaik sahaja tempoh penutupan ini berakhir kelak. Kerjasama pihak YBhg. Prof. Ulung/Prof./Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan dalam perkara ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,

PROF. DR. ISMANIZAN ISMAIL
Pengarah
Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Instrumentasi

s.k

- Naib Canselor
  Universiti Kebangsaan Malaysia

- Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
  Universiti Kebangsaan Malaysia